

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK MADIUS TANGAU [TUARAN]
TARIKH : 12.6.2014
SOALAN :

Datuk Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status penurunan kuasa sebanyak RM5 juta kepada Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perwakilan Kuasa RM5 juta kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sabah kepada Pengarah JPN Sabah telah diluluskan mulai 9 April 2014.

Berikutan kelulusan perwakilan kuasa tersebut JPN Sabah dibenarkan untuk mengendalikan tender bekalan dan perkhidmatan serta kerja-kerja pembinaan dan penyenggaraan yang melibatkan peruntukan RM5juta ke bawah. Dalam masa yang sama, Kementerian ini sedang mengemaskini hal ehwal perjawatan serta perkara-perkara yang berkaitan bagi melancarkan pelaksanaan dasar ini.